

Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3

Tarikh : 9 Disember 2024

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENYEDIAAN MAKLUMAT PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNTUK TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 Perkara 1 (i)**, senarai perolehan yang akan dipelawa pada tahun berikutnya perlu disediakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi memastikan perolehan diuruskan dengan efisien dan bekalan barang, perkhidmatan serta kerja dapat diperolehi dalam tempoh masa yang dikehendaki. Perancangan perolehan tahunan perlu disediakan supaya perolehan dapat dilaksanakan dengan terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau di saat-saat akhir.

3. Sehubungan dengan itu, PTj hendaklah menyediakan maklumat Perancangan Perolehan Tahunan bagi tahun 2025 untuk **nilai perolehan yang melebihi RM50,000** meliputi bekalan/ perkhidmatan/ kerja merangkumi kesemua peruntukan dengan menggunakan borang **UKM-SPKPPP-PP03-BO03 Jadual Umum Perancangan Perolehan Tahunan** seperti di **Lampiran A**. Namun, bagi perolehan yang menggunakan peruntukan pembangunan, perancangan perolehan perlu merujuk kepada perancangan yang telah dipersetujui bersama Jawatankuasa Penyelaras Projek Pembangunan.

4. Perancangan perolehan yang disediakan perlu mengambilkira tempoh mula pelawaan/ iklan Sebut Harga dan Tender seperti berikut:-

Kaedah Perolehan	Tempoh Mula Pelawaan / Iklan
Sebut Harga	Selewat-lewatnya 4 bulan sebelum diperlukan
Tender	Selewat-lewatnya 6 bulan sebelum diperlukan
Sebut Harga / Tender bermasa (Bekalan/ Perkhidmatan tidak boleh terputus)	Selewat-lewatnya 8 bulan sebelum kontrak semasa tamat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5033/3131/3553/5030 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

5. Maklumat ini perlu dikemukakan semula kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari sebelum atau pada 10 Januari 2025 dan sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada urusetia perolehan, Jabatan Bendahari seperti berikut:-

Bil	Kampus	Emel	No Telefon
1.	Kampus Bangi	syifaa@ukm.edu.my/ nursyuhadaabdrahim@ukm.edu.my/ nisaa@ukm.edu.my/ nadia@ukm.edu.my	03-8921 5030/ 3553/ 3131/ 5033
2.	Zon Kampus Kuala Lumpur	zkk1perolehan@ukm.edu.my	03-9289 7070/ 7007
3.	Zon Kampus Cheras	zkkc@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 8683/ 8679

Sekian, terima kasih.

“Kekal Berintegriti”

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5033/3131/3553/5030 E-mel: bahagianperolehan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my